

TARIKH : 21 FEBUARI 2016

AKHBAR : METRO AHAD

M/S : 29

TAJUK : [PORT DICKSON]  
RM500,000 BAIKI KEROSAKAN

---

## RM500,000 baiki kerosakan

**Port Dickson:** Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) membelanjakan lebih RM500,000 untuk baik pulih kerosakan harta benda awam dalam kawasan pentadbirannya sepanjang tahun lalu.

Yang Dipertuanya Datuk Ab Khalid Mat berkata, semua kawasan awam di bawah penyelenggaraan MPPD didapati tidak terlepas gejala vandalisme terutama di kawasan rekreasi dan pelancongan.

“Bagaimanapun, kita

terpaksa menanggung kerugian dalam memastikan kawasan pelancongan sentiasa ceria, indah, selamat dan selesa untuk dikunjungi orang ramai.

“Kita percaya tindakan dilakukan golongan remaja kurang kesedaran sivik dan bukannya penduduk dari daerah ini,” katanya ketika ditemui.

Ab Khalid berkata, bagi membendung gejala itu pihaknya kini terpaksa mengubah suai kemudahan awam de-

ngan bercirikan antivan-dalisme.

“Walaupun kemudahan itu nanti kurang menarik, namun kita terpaksa membuatnya bagi mengelak kami (MPPD) menanggung kos baik pulih yang tinggi.

“Lihatlah seperti lampu terpaksa dibina dengan tiang lebih tinggi bagi memastikan ia tidak mudah dicapai dan juga kemudahan seperti bangku dibina dengan binaan konkrit agar lebih kukuh,” katanya.